

Abdullah hubungi Kofi Annan: TPM

Malaysia tetap minat sertai pengaman di Lubnan

BH - 26/8/2006

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghubungi Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan semalam untuk menyatakan bahawa Malaysia tetap berminat menyertai pasukan pengaman di bawah panji PBB ke Lubnan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, Perdana Menteri menghubungi Annan secara peribadi pagi semalam untuk menyatakan harapan Malaysia itu, walaupun mendapat tentangan daripada Israel.

"Malaysia akan tetap berusaha... sampai Perdana Menteri sendiri menghubungi Setiausaha (Agung) PBB," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada pasukan "Formula-Future Malaysia" di Kementerian

Pertahanan di sini, semalam.

Najib berkata, Annan bagaimanapun menyatakan masih belum ada keputusan berhubung tawaran Malaysia itu dan berjanji akan mengambil keputusan terhadap perkara itu.

"Malaysia berharap untuk mendapat keputusan positif kerana kita ingin menyumbang kepada proses damai di Lubnan," katanya.

“Malaysia akan tetap berusaha... sampai Perdana Menteri sendiri hubungi Setiausaha Agung PBB”

Najib berkata, Malaysia sebelum ini mempunyai rekod yang baik dalam setiap misi keamanan yang disertainya, dan sudah membuktikan bahawa negara tidak mempunyai sebarang agenda serta sentiasa patuh kepada mandat PBB.

Beliau berkata, setakat ini tiada sebarang petunjuk bila PBB boleh memberi jawapan, tetapi yakin keputusan itu akan diketahui dalam jangka masa terdekat.

Israel membantah penyertaan tentera Malaysia dalam pasukan pengaman PBB di Lubnan atas alasan Kuala Lumpur tiada hubungan diplomatik dengan Tel Aviv.

Pada 4 Ogos lalu, Panglima Angkatan Tentera Malaysia Laksamana Tan Sri Anwar Mohamed Nor berkata seramai 1,000 anggota tentera dihantar ke Lubnan bagi menyertai misi pengaman itu. - Bernama.

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri